

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 27 RABU 8 JULAI 1970 رابو 4 جمادي الاول 1390 PERCHUMA

ISTIADAT AKAD NIKAH DI-RAJA

BANDAR BRUNEL. — Istiadat Akad Nikah Di-Raja bagi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah telah selamat di-langsungkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei petang semalam.

Istiadat mengakad nikah itu telah di-laksanakan oleh Kadzi Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Seruddin.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir berangkat tiba di-masjid itu pada pukul 3.45 petang dengan di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman Piut dan di-ikuti oleh pegawai2 yang membawa alat2 kebesaran di-raja yang terdiri dari 32 Sinipit, 12 Tumbak, 12 Pedang, sa-batang Dian Tunggal dan dua orang hulubalang, sa-orang membawa Kelasak dan sa-orang membawa Kampilan.

Sa-telah itu Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir duduk di atas Kasor Namat, yang di-linggahi oleh Dian Empat yang sedia terpasang yang di-hadapi oleh 4 orang Awang2.

Sa-baik2 sahaja Akad Nikah di-lafadzkan, tembakan meriam sa-banyak 17 das telah dilepaskan bagi menandakan semalam berlangsung-nya istiadat tersebut.

Do'a selamat telah di-bacakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah hadir di-istiadat Akad Nikah itu.

Turut juga hadir di-istiadat tersebut termasuklah Tuan (Lihat Muka 8)



Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin sedang menarek tirai untuk merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Anggerek Desa.

Kerajaan sediakan kemudahan2 untok kesempurnaan — S.U.K.

BERAKAS. — Kerajaan melengkapkan raayat negeri ini dengan pelajaran yang chukup bukanlah semata2 untok melayakkan mereka bagi menjawat semua jawatan2 dan mata2 pencharian yang terdapat di-negeri ini dengan lebeh efisien dan produktif.

Tujuan yang utama juga ka-arrah itu ia-lah untok menimbulkan tenaga2 yang berhimmah tinggi, berkelakuan baik dan bertanggung-jawab serta amanah dalam sebarang apa jua tugas yang di-berikan.

"Kelayakan2 dan kelulusan2 tanpa iman, tenaga2 terlatih tanpa kejujuran dan pengalaman2 pekerjaan tanpa tanggung-jawab ada-lah sa-umpama pelayaran yang tidak berhaluan".

Demikian yang di-tekanakan oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam sabda-nya di-pembukaan rasmi Sekolah Melayu Anggerek Desa pada hari Khamis lepas.

Beliau selanjut-nya menegaskan bahawa dengan ketiadaan pembawaan2 yang penting itu, maka ia-nya boleh mengecewakan masyarakat yang memerlukan pimpinan.

Mengenai dengan Sekolah Melayu Anggerek Desa itu, beliau menumpukan harapan kepada anggota2 Jabatan Pelajaran melalui pengarah-nya supaya kemudahan2 yang terdapat di-sekolah itu tidak akan di-pergunakan untok menanam benih2 yang tidak sempurna.

Beliau perchaya bahawa hasil2 pendidekan di - negeri ini akan merupakan satu hasil yang berlipat ganda faedah-nya daripada jutaan ringgit yang sa-lama ini telah di-belanjakan.

Beliau sekali lagi menegaskan bahawa kemudahan2 yang di-berikan sa-jauh ini ada-lah atas keinginan untok menimbulkan tenaga2 yang beriman dan patoh dengan tidak melakukan perkara2 yang boleh merosakkan saperti menchuri masa, bermain2, bergurau senda dan berbual2 pada waktu bertugas, sifat2 opportunist termasuk buyok-membuyok dan

(Lihat Muka 8)

Pengubahan daftar2 pengundi

BANDAR BRUNEL. — Pegawai2 pendaftar akan melawat kampong2 di-seluruh negeri selama sa-bulan mulai 12 Julai ini untok mendaftarkan raayat yang berkelayakan mengundi dalam pilehan2 raya mengikut kehendak2 Undang2 Pilehan Raya.

Pendaftaran tahunan itu adalah di-jalankan di-bawah Peratoran2 Pilehan Raya (Pendaftaran Pengundi2) tahun 1964 yang menetapkan bahawa daftar pengundi mahu-lah diubah dalam bulan Julai pada tiap2 tahun.

Tujuan mengubah daftar pengundi itu tiap2 tahun ia-lah supaya sentiasa terdapat suatu senarai pengundi yang lengkap dan terbaharu yang mengandungi semua raayat yang berkelayakan mengundi.

Kelayakan2 menjadi pengundi itu pertama-nya ia-lah sa-orang itu mesti-lah raayat Brunei dan berumur 21 tahun pada 11 Julai ini.

Sa-orang itu dengan mudah mengetahui sama ada ia raayat Brunei atau tidak dari

warna kad pengenalan yang telah di-dapati dari Jabatan Pendaftaran Warga Negara.

Orang2 yang mempunyai kad2 pengenalan warna biru itu ada-lah raayat Brunei.

Maksud utama di-adakan daftar pengundi itu ia-lah raayat yang telah mendaftarkan nama sahaja dapat mengundi atau menjadi chalun dalam pilehan2 raya.

Sa-orang raayat Brunei yang hendak mendaftarkan nama sa-bagai pengundi hendak-lah menunjukkan kad pengenalan kepada pegawai2 pendaftar. Mereka itu akan menchatetkan butir2 yang terkandung dalam kad pengenalan itu dalam daftar pengundi.

Pengubahan daftar pengundi yang akan di-lakukan ini juga untok membolehkan orang2 yang telah mendaftarkan nama sa-bagai pengundi menukar bahagian pendaftaran mereka berikutan dengan pertukaran alamat serta bahagian pendaftaran.

Pengubahan itu ia-lah juga untok mendaftarkan orang2 yang sejak pengubahan daftar yang di-lakukan dalam tahun lepas telah memperolehi sijil2 keraayaan dan orang2 yang berkelayakan mendaftar tetapi tidak dapat mendaftar nama mereka sa-bagai pengundi dalam tahun lepas.

PENDAHULUAN

Penglaksanaan peratoran keselamatan jalan-raja ada-lah sumbangan polis yang terakhir bagi pengkajian yang berdasarkan ilmu pengetahuan mengenai sistem2 jalan raya dan lalu lintas dari segala segi dengan tujuan yang utama ia-lah mengurangkan bilangan kemalangan jalan raya dan akibatnya.

Tujuan itu boleh di-jalankan sa-chara langsung dengan mengesan dan mengadukan pengguna jalan raya itu bagi di-jalankan tindakan dalam Mahkamah, atau-pun boleh di-jalankan sa-chara tidak langsung dengan usaha mendidik terlebih dahulu akan pengguna jalan raya itu dalam chara menyelamatkan jiwa, memperbaiki pengawasan di-jalan raya dan menambah kecekapan memandu kereta.

Orang2 awam — oleh-kerna tidak terlintas dalam fikiran mereka peri mustahak-nya menambahkan pengetahuan tentang jalan raya dan juga kaitan-nya di-sisi undang2 mengenai penggunaan jalan raya — akan chenderong mengambil perhatian atas apa yang di-laksanakan daripada apa yang termaktub dalam undang2. Undang2 yang tidak pernah di-laksanakan kebanyakan-nya ada-lah di-lupai. Sa-bagaimana sa-suatu sihir atau ketetapan2 dalam undang2 yang sudah tidak mendatangkan bahaya lagi dan lebeh2 lagi sudah menjadi suatu puncha bualan yang menggelikan hati, bukan-nya sa-bagai satu perkara yang berkaitan dengan undang2. Tetapi undang2 yang tidak di-laksanakan dengan sa-penoh-nya, sa-bagaimana yang berlaku dalam setengah undang2 lalu lintas, ada-lah melemahkan semangat dalam perasaan raayat jelata yang patuh kapada undang2, dan hal ini membawa kesan yang tidak baik ka-atas moral orang2 awam dan khas-nya kapada polis.

Undang2 yang di-gubal bagi keselamatan supaya chukop berkesan hendak-lah di-laksanankan atau di-buang.

Undang2 yang di-gubal yang sangat banyak menimbulkan perbalahan dan di-langgar berterang2 dan yang memberi satu chontoh yang tertentu perbinchangan ia-lah sekatan2 berjalan laju, ia-itu had jalan-laju 30 b.s.j. atau 40 b.s.j. di-kawasan2 yang banyak rumah, dan 20 b.s.j. atau 30 b.s.j. bagi lorry2 yang berat. Dalam pada itu pengalaman dalam negeri ini dan perbandingan angka2 keselamatan jalan raya yang di-dapati dari United Kingdom dan Amerika Sharikat, jika di-timbangkan bersama2 dengan keadaan pesawat jentera berkenaan dengan deras dan jarak dari waktu menekan brake dan berhenti-nya kereta.

KESELAMATAN JALAN RAYA

kesemua-nya menunjokkan bahawa laju yang di-bawah 30 b.s.j. ada-lah menjadi perkara2 yang berkesan bagi mencegah kemalangan.

Dari-itu boleh-lah di-anggap bahawa jika papan2 tanda had laju di-pikirkan salah letak-nya maka harus berlaku satu perkara melangar undang2.

Selain dari perkara kechil2, undang2 keselamatan jalan raya Brunei ada-lah baik dan hendak-lah di-laksanakan.

Bagi menjalankan ini dengan sempurna maka ada-lah perlu bagi menerangkan chara2 bagi mendapatkan hasil yang sa-penoh-nya. Bagi menchapai tujuan ini maka kempen pendidikan mesti-lah di-utamakan, di-ikuti pula dengan selalu mengesan jenayah2 jalan raya. Menjalankan dua perkara ini ada-lah penting supaya orang yang melanggar undang2 itu harus akan chuak dari melakukan-nya lagi apabila ia sadar ada orang yang mengambil perhatian ka-atas-nya. Sa-bagai tambahan, maka hukuman yang berat dikenakan apabila di-dapati salah, ka-atas sa-gulungan kechil orang yang kerap-kali mengabaikan keselamatan jalan raya dan ini akan melengkapkan pelajaran2 yang harus di-pelajari oleh pengguna2 jalan raya.

TUJUAN2 (POLIS)

Tujuan polis di-kawasan yang melaksanakan Undang2 Keselamatan Jalan Raya ia-lah bagi menghasilkan supaya undang2 itu di-turut, menyegerakan perjalanan lalu lintas dan menjaga keselamatan pemandu2 kereta dan orang2 jalan-kaki. Tujuan ini ada-lah selaras dengan apa yang di-kehendaki oleh Jurutera Jalan Raya dan tugas utamanya ia-lah bagi menchapai keadaan lalu lintas yang chekap, tidak terhalang dan chepat, dan dalam pada itu pula menche-gah kemalangan2 jalan raya dan kechederaan. Jurutera2 ada-lah di-kehendaki menggu-nakkan dasar2 pokok ini ketika membuat dasar2 pokok peranchangan dan bentok ru-pa jalan2 kechil dan jalan2 besar dan bagi keselamatan, kesenangan dan perbelanjaan pengangkutan orang2 dan barang2 yang menggunakan kemudahan2 yang demikian itu.

SIRI

PERTAMA

Kejuteraan lalu lintas ada-lah satu chara moden bagi mengatasi tiga perkara bagi lalu lintas di-jalan2 kechil dan jalan2 besar:—

- (i) bagi pengguna2 jalan raya;
- (ii) kereta dan muatan-nya;
- (iii) jalan itu sendiri.

Jurutera itu menchoba menghapuskan atau mengurangkan keputusan2 yang mesti di-ambil oleh sa-orang pemandu kereta. Dengan bentok rupa dan penyelenggaraan jalan raya yang lebeh baik maka jurutera itu choba mengurangkan peluang kejadian kemalangan yang biasa berlaku di-sesuatu jalan kechil dan jalan raya, dengan merengankan pemandu itu dari berkehendakkan membuat keputusan2. Ini ada-lah di-chapai dengan penyaloran2, tanda2 isyarat yang chukop dan tanda2 atas jalan dan lain2 chara bagi kawalan lalu lintas, dengan hal yang demikian mengelakkan pertelengkahan dan kekachauan yang berlaku apabila sa-orang atau lebeh pemandu kereta di-kehendaki membuat satu2 keputusan.

PERANAN POLIS

Tugas2 polis dalam kawasan ini ada-lah berkehendakkan serba pantas yang tidak perlu dalam pekerjaan jurutera itu. Pegawai2 Polis tahu akan rasa kacha yang berbunyi di-tajak oleh mereka di-tempat2 kejadian kemalangan dan dekat suara2 merapat atau mengeloh dan memek2 dari orang2 yang luka atau chedera parah dalam-masa mereka mereng-gangkan besi2 yang telah kemek dan berhimpit rapat yang terjadi dari kuasa pelanggaran dua buah kereta. Jika hendak di-adakan perbandingan dalam tugas2 ini dan orang2 yang terlibat dalam-nya maka polis-lah yang lebeh daripada jurutera yang mem-nunvai perhubungan bagi pencegahan kemalangan yang

BERIKUT ia-lah kandungan kertas yang di-hadapkan oleh Brunei dalam persidangan keselamatan jalan raya antara bangsa yang berlangsung di-Singapura baru2 ini yang di-kemukakan oleh perwakilan Brunei, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Ahli2 yang lain dalam perwakilan Brunei itu ia-lah Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Sidek bin Yahya dan Pegawai Pengeluar Lisen, Pengiran Zohari bin Pengiran Ahmad.

Kandungan kertas tersebut akan di-siarkan di-halaman ini sa-chara bersambung hingga selesai — Pengarang.

menegaskan tanggungjawab-nya bagi menggunakan pengalaman dan pengetahuan yang di-perolehi-nya bagi melaksanakan Keselamatan Jalan Raya.

Polis bertindak boleh dikatakan seperti orang2 pembeherah dalam kawalan lalu lintas dan mereka jika perlu mesti-lah menjalankan tindakan pembetulan apabila saja bentok rupa jalan raya itu gagal dalam tujuan bersama bagi keselamatan.

Mereka mesti-lah bertindak menahan hawa-nafsu pemandu2 menerusi ranchangan2 yang berkesan bagi pengurusan jalan-laju terutama sekali apabila pengeluar2 kereta meranchang bagi kereta2 yang boleh berjalan bertambah2 laju.

Mereka mesti-lah berusaha supaya orang2 akan mematuhi penggunaan jalan2 kechil dan jalan2 besar dengan selamat apabila kemalangan2 berlaku di-sebabkan oleh gagal-nya mematuhi undang2 yang demikian itu dengan menggunakan masa dan pengalaman mereka maka mereka mesti-lah menunjokkan kepada orang ramai chara bagaimana hendak menyelamatkan jiwa apabila pemandu2 kereta dan orang2 berjalan kaki nampak-nya tidak berapa indah hendak memelihara diri.

Ada-lah menjadi tanggungjawab dari segi moral dan undang2 ka-atas polis pada segala peringkat dan dalam segala bahagian bagi menche-gah pembunuhan dan kechederaan dalam sebarang sifat-nya berasaskan dasar kewajipan-nya mengawal jiwa dan harta-benda. Sunggohpun sabuah kereta dan bukan-nya sa-laras senapang atau sa-bilah pisau menjadi senjata yang membunuh atau menchederaan itu tetapi hal ini tidak membebaskan kita dari tanggung-jawab dari perkara ini.

(Bersambung)

Perkataan munafik ada-lah semua orang mengetahui, tetapi maksud munafik di-dalam hukum shara' ia-lah orang yang pada dzahir-nya beriman kepada Allah dan rassul-nya, tetapi sebenarnya mereka tetap kafir. Gulungan ini-lah paling merbahaya dan ditakuti, boleh-lah di-anggap mereka ini seperti musuh dalam selimut kepada orang2 Islam.

Rassulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Yang paling aku takut menimpa ka-atas umatku ialah tiap2 munafik yang pitah lidah-nya".

Untuk mengetahui orang2 yang munafik ini, Rasulullah telah bersabda dan menerangkan bahawa orang2 yang benar2 munafik itu ia-lah yang mempunyai beberapa perkara, sa-bagaimana maksud hadith bahawa:

"Sa-siapa yang ada empat perkara, jadi-lah ia sa-orang yang benar2 munafik, dan sa-siapa yang ada satu daripadanya itu berarti ada pada-nya satu daripada sifat2 munafik sa-hingga dia meninggalkan-nya. Sifat2 itu ia-lah apabila

Majlis2 mashuarat Daerah

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Daerah Brunei Muara telah mengadakan sidang bulanan-nya di-Dewan Kemasharakatan di Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Sidang itu telah di-penguruskan oleh Pegawai Daerah Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Tidak ada usol telah di-bentangkan dalam sidang itu.

Akan tetapi majlis itu telah membincangkan jawapan kepada usol yang telah di-luluskan dalam bulan Mei berkenaan dengan kemungkinan pembenaan sa-buah klinik gigi di-Kampung Ayer.

Majlis itu berkata, pehak berkuasa berpendapat tidak perlu di-bena sa-buah klinik gigi di-Kampung Ayer pada masa ini.

Di-Bangar, Majlis Mashuarat Daerah Temburong telah meluluskan satu usol menyeru kerajaan supaya mendirikan pondok talipon di-setiap kampung dekat jalan raya di-daerah itu.

Majlis itu juga meluluskan satu lagi usol menyeru kerajaan membuat telaga2 di-Kampung Nagalang, Batu Apoi untuk membekalkan ayer minum kepada orang2 kampung tersebut kerana kampung itu letak-nya jauh dari sungai.

Majlis Mashuarat Daerah Tutong juga telah mengadakan sidang bulanan-nya pada hari itu tetapi tidak ada usol telah di-bentangkan atau di-luluskan.

Sifat2 churang, bohong, mungkir janji boleh menjadikan sa-seorang itu munafik

KHUTBAH JUMA'AT

"Orang2 yang munafik itu di-tempatkan pada tingkat yang paling bawah dalam neraka"

dia di-amanahkan, dia berlaku churang, apabila dia berchakap, dia berbohong, apabila dia berjanji dia mungkir dan apabila dia berbantah, dia terlanjur."

Sa-bagaimana dapat kita fahamkan dari maksud hadith tadi bahawa empat perkara ini ada-lah boleh merosakan keimanan kita dan menjatuhkan

mertabat ugama Islam dan orang2 Islam sendiri, kerana dari empat sifat tadi, seperti amanah, berchakap benar, janji yang tepat dan berbincang ada-lah bersangkut paut dengan masyarakat, bukan kepada diri orang itu sahaja, kerana kalau-lah sifat2 ini sentiasa di-amalkan baik, sudah tentulah orang itu di-sanjong dan di-

perchayai oleh masyarakat, sabalek-nya jika ia tidak melakukan apa yang di-kehendaki oleh masyarakat-nya itu, bukan hanya dia saja yang di-benchi, bahkan masyarakat yang akan menjadi kuchar kachir. Oleh sebab itu-lah Nabi telah memberi amaran dan mengingatkan kepada orang Islam bahawa sifat2 churang, memungkir janji, berbohong dan terlanjur lidah sebab2 berbantah ada-lah menjadikan sa-seorang itu munafik benar2, ini telah diterangkan oleh Allah Subhanahu-wata'ala di dalam Al-Quran surat Annisa ayat 145/146 yang bermaksud:

"Sa - sunggoh-nya orang2 yang munafik itu di-tempatkan pada tingkat yang paling bawah dalam neraka, engkau tidak mendapat sa-barang pertolongan untuk mereka, kecuali orang2 yang bertaubat dan memperbaiki seperti berpegang tegoh kepada Tuhan dengan tulus ikhlas, kerana Tuhan sa-mata2 dalam ugama-nya, mereka itu-lah bersama2 dengan orang yang beriman, Tuhan akan memberikan kepada orang yang beriman pahala yang maha besar".

Oleh itu jika sa-kira-nya ada terdapat di-antara kaum muslimin mempunyai sifat2 munafik ini, hendak-lah di-jauhkan dan kembali-lah kepada Allah, bertaubat seperti mengerjakan segala yang di-suroh dengan tulus ikhlas dan menjauhkan daripada membuat segala ma'asiat. Muga2 kita di-ampuni Allah dan di-masokan ka-dalam gulungan orang2 yang mu'min, Amin ya rabul alamin.

Wakil2 peraduan membacha Quran dan sharahan perengkat negeri

TEMBURONG. — Peraduan membacha Al-Quran dan sharahan ugama perengkat akhir Daerah Temburong telah diadakan baru2 ini di-Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Ia-nya telah di-rasmikan oleh Kadzi Daerah Temburong Begawan Mudim Haji Adnan, sementara hadiah2 di - sampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Awang Mohammad Salleh bin Hidup.

Sa-ramai 16 orang murid lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Keputusan peraduan ada-lah seperti berikut:

Quran bahagian lelaki — pertama Awangku Othman bin Pengiran Ismail dan kedua Awang Hussein bin Mohammad Salleh.

Bahagian perempuan — pertama Dayang Mariah binte Orang Kaya Haji Abdul Rahim dan kedua Dayang Fatimah binte Yusoff.

Sharahan ugama bahagian lelaki — Awang Rosli bin Mustapha dan bahagian perempuan Dayang Lauyah binte Matassan.

Ka-enam2 orang peserta itu akan mewakili Daerah Temburong ka-peraduan perengkat negeri yang akan di-adakan

di-Bandar Brunei pada 23 dan 24 Julai.

Di-Daerah Brunei Muara enam orang budak2 lelaki dan perempuan daripada 18 orang peserta dalam pertandingan membacha Quran dan sharahan ugama akan memasoki pertandingan perengkat akhir seluruh negeri itu.

Enam orang peserta itu ia-lah: **Membacha Quran** — Awang Rosli bin Haji Abu Bakar, Awangku Harun bin Pengiran Aliuddin, Dayang Junainah binte Awang Hussain dan Dayang Saadia binte Metussin.

Pertandingan sharahan — Mohammad bin Burut dan Malai Noriadah binte Sheikh Mohammad.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8 Julai 1970 hingga ka-hari Selasa 14 Julai 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
8 Julai		12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
9 Julai		12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
10 Julai		12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
11 Julai		12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-54	6-13
12 Julai		12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13
13 Julai		12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13
14 Julai		12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-40	6-13

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



8hb. Julai, 1970.

KESEMPURNAAN DALAM DIRI

SETIA Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam sabda-nya di-pembukaan rasmi Sekolah Melayu Anggerek Desa telah menyatakan bahawa usaha kerajaan bagi melengkapkan rakyat negeri ini dengan pelajaran yang cukup bukanlah sahaja untuk melayakkan mereka bagi menyandang semua jawatan2 dan mata2 pencarian yang terdapat di-negeri ini dengan lebih efisien dan produktif, tetapi juga sama ketutamaan-nya untuk menimbulkan tenaga2 yang berhimmah tinggi, berkelakuan baik dan bertanggung-jawab serta amanah dalam sebarang apa juga tugas yang di-berikan.

Kelayakan2 dan kelulusan2 tanpa iman, tenaga2 terlatih tanpa kejujuran dan pengalaman2 pekerjaan tanpa tanggung-jawab ada-lah sa-umpama pelayaran yang tidak berhaluan. Oleh yang demikian hal ini boleh mengecewakan masyarakat yang amat memerlukan pimpinan yang wajar.


Beliau juga percaya bahawa hasil2 pendidikan di-negeri ini akan merupakan satu hasil yang berlipat ganda faedahnya daripada jutaan ringgit yang sa-lama ini telah di-belanjakan. Ini bukan hanya pada maksud untuk membanyakkkan rakyat yang berilmu dan berpengalaman tetapi juga penuh dengan kejujuran dan sifat2 yang amanah.

Asas untuk menimbulkan pembawaan2 yang demikian ialah melalui pendidikan di-sekolah2 yang juga di-sifatkan sa-bagai gedong ilmu pengetahuan dan budi pekerti yang mulia.

Saperti yang di-maalumi bahawa jurusan pendidikan di-negeri ini ada-lah salah satu cabang yang mendapat keutamaan dalam usaha2 kerajaan untuk mengujudkan kebahagiaan rakyat, kemakmoran dan keamanan negara dan kerana itu-lah tidak hairan jika bahagian pendidikan ini mendapat peruntukan perbelanjaan yang begitu besar.

Hasil yang di-harapkan sudah tentu-lah sa-suatu yang amat berfaedah untuk bangsa dan negara kita yang nanti-nya digambarkan oleh pembawaan2 rakyat yang menerima asohan itu.

Dalam bahagian ini nampaknya amat penting timbul-nya perasaan bertanggung-jawab dan amanah pada melaksanakan sa-tiap pekerjaan yang tentu-nya melibatkan atas tugas2 terhadap negara yang di-tadbirkan oleh kerajaan. Sifat opportunist termasuk buyok-membuyok dan menggunakan harta2 kerajaan untuk faedah2 persendirian, menhuri masa sa-umpama berbuai2 kosong dalam masa bertugas ada-lah merupakan satu pengkhianatan yang tidak boleh tidak jika terus2 di-lakukan akan merosakkan kehidupan. Ini juga ada-lah merupakan satu ancaman terhadap diri sendiri yang di-tempa oleh diri sendiri juga.



Pengantin Di-Raja Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar ketika berangkat untuk Istiadat Berbedak Di-Raja. Kelihatan mengiringi Yang Teramat Mulia itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.



Kanak2 yang di-usong oleh Pengarah dan di-iringi oleh dayang2 serta di-pagari oleh pegawai2 yang memegang alat2 kebesaran di-raja ini ia-lah dalam Istiadat Menghantar Pertunangan Di-Raja.

Istiadat Berbedak Di-Raja ka-atas Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah berlangsung pada hari Isnin lepas.



Kanak2 perempuan yang di-lengkapi dengan pakaian adat istiadat yang indah ini ia-lah sa-bagai tanda perkahwinan Di-Raja.

Dayang2 dan pegawai2 yang memegang alat2 kebesaran di-raja kelihatan ketika Istiadat Menghantar Tanda di-laksanakan.

ISTIADAT2 MENJELANG PERKAHWINAN DI-RAJA

ISTIADAT2 bagi persiapan perkahwinan di-raja di-antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zariah telah berlangsung pada minggu lepas.

Istiadat Menghantar Tanda Di-Raja telah berlangsung pada hari Juma'at 3 Julai sementara Istiadat Menghantar Pertunangan Di-Raja di-langsungkan pada 4 Julai.

Pertunangan selama dua minggu bagi mera'ikan istiadat perkahwinan di-raja itu telah di-mulakan pada 1 Julai apabila Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga di-Istana Darul Hana, Lapau dan tempat kediaman Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

Beribu2 orang dari berbagai kaum telah pun mengunjungi pekarangan Istana Darul Hana pada tiap2 malam sejak kawasan istana itu di-buka kepada orang ramai pada 1 Julai untuk menyaksikan berbagai pertunjukan dan permainan kerana mera'ikan istiadat perkahwinan di-raja itu.

Pertunjukan dan persembahan yang beraneka corak itu ada-lah sumbangan dari berbagai kaum di-negeri ini dan ia-nya juga di-adakan di-pekarangan tempat kediaman Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

Persembahan2 itu termasuk-lah pertunjukan kesenian dan kebudayaan antara bangsa sumbangan dari penduduk2 kampung di-Daerah Brunei-Muara, orang2 India dan Kaum Tiong Hwa, panchak silat, joget moden, aneka warna persembahan dari persatuan2 belia serta pertunjukan wayang gambar dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Pertunjukan2 bagi mera'ikan istiadat perkahwinan di-raja itu akan berakhir pada 13 Julai.



Dua orang kanak2 yang kelihatan dalam gambar ini mengambil peranan penting dalam Istiadat Menghantar Pertunangan Di-Raja.



Persatuan Orang India di-Brunei telah juga turut serta mera'ikan perkahwinan Di-Raja dengan pertunjukan tarian2 klasik dan asli India yang penari2-nya terdiri dari mahasiswa2 Kalakshetra, Madras.



Persatuan2 Belia tidak juga ketinggalan dengan mengadakan persembahan drama, nyanyian2, lawak jenaka dan tarian2 saperti yang kelihatan dalam gambar ini.

Di-pekarangan dan di-muka jalan masuk ka-Istana Darul Hana sa-tiap malam sejak Istiadat Berjaga-jaga di-mulakan telah penuh sesak oleh kenderaan2 orang ramai yang menyaksikan pernyaan2 di-Istana dan rumah besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.



Bawa masuk tumbuhan mesti mendapat kebenaran dari Jabatan Pertanian

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian mengumumkan bahawa pengimpot2 bahan2 tumbuhan mesti-lah mendapat permit impot dari jabatan itu sa-belum mengimpot barang2 tersebut.

Kebenaran berjaja semasa perayaan

BANDAR BRUNEI. — Pengurus Lembaga Bandaran Brunei Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim mengumumkan bahawa penjaja2 ada-lah di-benarkan berniaga di-padang semasa pesta untuk merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Akan tetapi beliau mengingatkan bahawa gerai2 sama ada yang tetap atau bergerak, bakul2 dan lain2 chara yang di-gunakan untuk berjaja itu mesti-lah di-ambil lisen bagi tempoh itu.

Beliau berkata, berjaja di-padang itu di-benarkan selama kira2 sa-minggu dari 15 Julai dan tindakan akan di-ambil terhadap sa-siapa yang berniaga tanpa lisen.

Lisen untuk berjaja boleh di-dapati dari pengurus, Lembaga Bandaran Brunei, Bandar Brunei sa-belum 15 Julai ini.

Penuntut2 sekolah Arab tinjau kegiatan AMDB

BERAKAS. — Satu rombongan kira2 sa-ratus orang penuntut dari Sekolah2 Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Perempuan Raja Isteri Anak Damit, dan ahli2 Palang Merah Chawangan Seria dan Kuala Belait, telah melawat Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Kem Berakas pada hari Juma'at lepas.

Pelawat2 itu telah di-sambut dan di-berikan penerangan ringkas oleh Pegawai Pemerintah Regiment itu Colonel J. J. H. Simpson dan Adjutant-nya mengenai tugas dan tanggung jawab Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Pelawat2 itu kemudian-nya telah di-bawa melawat ka-kawasan perkemahan itu, ini termasuk lawatan ka-pangkalan helikopter, bengkel, dewan, gimnastik dan kolam renang.

Rombongan pelawat itu juga menyaksikan pertunjukkan berkaat menembak dan alat2 pasokan pembantu termasuk meriam katak, kereta2 perisai dan alat2 radio.

Langkah itu di-ambil untuk menegah penyakit2 dan ulat2, yang merbahaya kepada tumbuhan2 dari di-bawa masuk ka-negeri ini melalui tumbuhan2 dari luar.

Pengumuman itu berkata, sa-lepas 1 Ogos orang ramai adalah di-kehendaki mendapatkan permit impot tumbuhan2 sa-belum membawa masuk tumbuhan2 itu.

Keutamaan akan di-berikan kepada biji2 atau changkuk2 yang tidak berakar tetapi tumbuhan2 yang berakar akan di-benarkan kechuali ia-nya di-sahkan bahawa akar-nya telah berseh dari hama terlebeh dulu.

Pengumuman itu berkata, tanah yang tidak di-bersekan dari hama ada-lah pembawa ulat2 dan chendawan2 yang merbahaya kepada tumbuhan dan oleh yang demikian ia-nya tidak di-benarkan di-bawa masuk.

Permit impot itu akan menetapkan syarat2 yang tertentu bagi membawa masuk barang2 tumbuhan itu.

Ini akan membolehkan pengeluaran mengambil tindakan sa-laras dengan syarat2 impot itu dan menyatakan dalam siji kesihatan tumbuhan2-nya yang akan di-kiriman bersama2 dengan barang2 itu.

Pengumuman itu berkata, dengan ada-nya surat2 tersebut akan menjamin bahawa barang2 itu akan di-keluarkan segera.

Tanpa surat2 itu kelambatan akan berlaku sementara jabatan itu memeriksa dan menguji barang2 itu.


Peraduan2 kereta berhias dan tanglong di-Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Daerah Belait akan mengadakan peraduan2 perarakan kereta berhias dan tanglong di-pekuan Kuala Belait pada 20 Julai ia-itu sa-bahagian dari acara sempena menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-24 tahun bagi daerah itu.

Peraduan kereta berhias ada-lah terbuka kepada jabatan2 kerajaan, sharikat2 perniagaan dan orang ramai, sementara peraduan tanglong terbuka kepada sekolah2, dan jabatan2 kerajaan.

Sharat2 bagi peraduan kere-

BARANG2 MUZIUM BRUNEI.....12



Nama: Gong.

Penerangan: Gong atau Agong menurut istilah Brunei ia-lah salah satu alat2 musik dalam gulintangan orkes yang terdiri daripada tawak2, chanang, gulintangan, gendang labit dan gong. Sa-chara tersendiri, gong tidak mempunyai makna dan jarang di-gunakan kerana besar dan berat-nya. Alat2 musik ini hanya akan mempunyai makna yang besar apabila leng-

Penyampaian siji2

BANDAR BRUNEI. — Penyusun Pelajaran Dewasa Awang Umar bin Muhammad telah menyampaikan siji2 kepada lapan orang penuntut kelas dewasa di-Sekolah Melayu Pengkal Batu minggu lepas.

Enam dari penuntut2 itu telah berjaya dalam peringkat lanjutan, sementara dua lain-nya dalam peringkat permulaan.

Sementara itu di-Sekolah Melayu Junjong, sa-ramai dua belas orang penuntut kelas dewasa telah menerima siji2 mereka dari Nazir Pelajaran Dewasa Awang Abdul Hamid bin Othman.

Kelas2 pelajaran dewasa di-anjorkan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran.

kap sebagai satu unit orkes. Dari bentuk dan ukuran gong, kita tidak begitu sulit untuk membedakan dengan lain2 alat musik.

Sejauh yang di-ketahui di-antara barang2 tembaga, alat2 musik saja-lah yang kebanyakan-nya di-perbuat dari luar negeri. Tawak2 dan Gong di-buat dari daerah2 di-Indonesia seperti Samarang, Cheribun, Bulungan dan Biaju. Dan dari nama2 daerah ini-lah terbit-nya juga jenis alat2 musik tersebut. Pengenal gong, lain2 alat musik dan barang2 tembaga untuk menentukan darimana perbuatannya bergantung kepada beberapa fakta.

i. Jenis tembaga dan keadaan berat rengannya.

ii. Chara perbuatan dan ukiran-nya.

iii. Bunyi nada alat musik itu.

Berpandu kepada salah satu atau ketiga2 perkara ini kita boleh mengenal sama ada barang2 itu buatan Brunei atau luar negeri.

Dalam renchana George Tillmann bertajok "Sumbangan karangan mengenai Benda2 Brunei yang di-perbuat dari tembaga", berbahasa Belanda, dari majalah Cultured Indie, Vol. 1, July, 1939 ada menerangkan tentang gong2 buatan Brunei. Sabenar-nya gong yang di-sebutkan oleh Awang Tillmann itu, menurut istilah Brunei ia-lah chanang. Gong dapat di-kenal dari bentuk badannya yang rendah, berlekuk di-pertengahan badan. Sementara chanang mempunyai badan yang rata dan rendah juga. Barangkali juga Awang Tillmann mensifatkan semua alat2 musik tembaga, melainkan gulintangan, termasuk dalam kategori gong, tanpa mengira istilah2 tempatan.

i. Gong kertas.

ii. Gong Batang Padi.

iii. Gong Loyang.

iv. Gong Banar (benar).

v. Gong Batu.

vi. Gong Lapis.


Gong Loyang dan Gong Batu ada-lah di-sifatkan sebagai jenis gong yang terbaik sekali. Gong yang tertera gambar-nya di-sini ia-lah di-gelar **Gong Lapis**.

Gong ini di-beli dalam tahun 1968 di-luar negeri.

Sukatan:

Lebar 3".

Lebar dari tepi ka-kawasan bundar di-tengah 9 1/2", tinggi 3 1/2".



Perlawanan terek tali tahunan

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan terek tali tahunan akan di-jalankan pada penghujung bulan ini.

Perlawanan yang di-anjarkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perluan yang ke-24 tahun dan di-kelolakan oleh Persatuan Angkatan Tunas Harapan — PATUH.

Perlawanan yang di-jalankan sa-chara kalah mati itu ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan dan shariat2 perniagaan di-Daerah Brunei-Muara. Tiap2 pasukan hendak-lah mengandungi 10 orang peserta dan bayaran bagi memasuki perlawanan itu ia-lah \$10.00 bagi satu pasukan.

Persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan dan shariat2 perniagaan yang ingin mengambil bahagian dalam perlawanan itu boleh-lah mendapatkan borang permohonan dari Setia Usaha Perlawanan, Pengiran Jadid bin Pengiran Haji Omarali, Jabatan Kerja Raya Bahagian Bangunan, Awang Md. Daud bin Haji Sabil atau kepada Pengurus Tertinggi Sambutan Bahagian Terek Tali, Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Borang2 yang telah di-isi bersama2 dengan wang bayaran hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 13 Julai.

Gambar atas menunjukkan Awang Damit bin Haji Mahmud, sa-orang pengurus Shariat Bas tempatan sedang menyampaikan cek berharga \$2,000 kepada Awang Yahya bin Yusof untuk tabung pembenaan ibu pejabat pengakap.

Di-kiri sekali sedang memerhati ia-lah Awang Shahbuddin bin Saleh, dan Pesuruhjaya Penyusun Pengakap, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad.

TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB) LELAKI HASSANAL BOLKIAH DAN SEKOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB) PEREMPUAN RAJA ISTERI ANAK DAMIT BRUNEI 1970/1971

Pemohon2 ada-lah di-pelawa menghantarkan tawaran mereka untuk membekalkan barang2 mentah bagi keperluan kedua2 buah sekolah yang di-sebutkan di-atas mulai 1hb. September, 1970.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengurus Lembaga Tawaran, di-alamat Pejabat Kewangan Negara Brunei dan hendak-lah di-masukkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan di-sampul tersebut hendak-lah ditulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB) LELAKI HASSANAL BOLKIAH DAN SEKOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB) PEREMPUAN RAJA ISTERI ANAK DAMIT BRUNEI 1970/1971".

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN TAWARAN

Sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bangsa Melayu, dan telah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut, dan lulus sekurang2-nya darjah VI Sekolah Melayu. Calon2 hendak-lah boleh membaca dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Gaji bagi jawatan ini ia-lah dalam tingkatan \$380 x 20 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620 atau dalam tingkatan \$660 x 30 — 900. Tingkatan gaji yang di-pakai dan gaji permulaan akan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman bagi pemohon2 yang berjaya.

Sharat2 Lantekan:

Calon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubuan selama 6 bulan. Bagi calon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubuan.

Baksis:

Bagi sa-orang calon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan enap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

CHUKAI PENDAPATAN:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 27 Julai, 1976.

Sa-bagai Pembantu Perpustakaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Perpustakaan di-Jabatan Pelajaran, Brunei. Calon yang berjaya akan di-tempatkan di-Sekolah Menengah Melayu Pertama, Jalan Muara.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran.
- Mereka mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya selama 3 tahun dalam kerja2 perpustakaan.


Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas — borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 11 Julai, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





Pesanan M.B. kepada perwakilan belia

BERAKAS. — Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada sa-rombongan perwakilan Belia Brunei sa-jurus sa-belum mereka berlepas ka-negeri Jepun pada pagi semalam.

Menteri Besar dalam ucapan-nya telah menyeru perwakilan Belia Brunei itu supaya menjaga nama baik negeri ini semasa dalam perhimpunan itu.

Beliau berkata Brunei mempunyai identiti dan ideologi-nya tersendiri yang boleh di-perlihatkan kepada peserta2 dalam perhimpunan itu supaya mereka dapat mengenali chorak masyarakat di-Brunei pada masa ini.

Kata-nya perhimpunan itu akan di-hadiri oleh belia2 dari seluruh dunia yang berlainan bahasa, ugama, kebudayaan dan berlainan ideologi serta berlainan chara hidup di-timor dan di-barat.

“Meskipun perwakilan belia Brunei hanya 10 orang saya percaya mereka akan tetap dengan identiti dan ideologi Brunei yang tersendiri tidak akan dapat di-pengaruh oleh belia2 lain dalam perhimpunan itu.

Jepun ia-lah sa-buah negeri yang maju dan belia2-nya telah menempoh satu chara hidup baru bukan-lah seperti pemuda Jepun sa-belum perang dahulu.”

Menteri Besar itu juga menjelaskan bahawa perwakilan Belia Brunei itu-lah yang akan dapat melihat sendiri apa yang berlaku sambil mempelajari dan mengikuti segala2 yang ada untuk di-bawa balek ka-Brunei untuk di-churahkan kepada belia2 lain di-negeri ini.

Kata-nya, pelajari-lah perkara2 yang di-lihat dan di-dengar yang boleh menghasilkan kemajuan kerana belia2 ada-lah orang2 yang akan menentukan nasib Negeri Brunei yang akan datang.

Beliau selanjut-nya berkata belia2 Brunei sudah sa-wajar-nya menjadi chermim hidup yang akan menjadi perhatian, baik dari segi berchakap, budi bahasa, kelakuan dan chara berfikir akan menjadi oleh2 bersama dalam perhimpunan2 belia di-luar negeri yang menunjokkan ‘Ini-lah Brunei’.

Perhimpunan yang akan di-hadiri oleh kira2 12,000 orang perwakilan belia dari seluruh dunia itu akan di-adakan pada 9 Julai hingga 23 Julai di-Osaka.

Perwakilan Belia Brunei itu telah di-keuai oleh Awang Yaakub bin Ahmad, Setia Usaha Agong M.B.B. Awang Ahmad Haji Jumat dari Persatuan Sakam timbalan ketua perwakilan, sementara Awang Abdul Latif bin Hj. Ibrahim dari Persatuan IKLS sa-bagai Setia Usaha.

Lain2 anggota dalam rombongan itu ia-lah, Awang Ahmad bin Mudim Bakar, Awang Abd. Latif bin Wahab, Awang Zainal bin Haji Daud, Awang Lim Jock Seng, Awang Bolhassan bin Mohd. Jair, Ak. Mohd. Limbang bin Pg. Mohd. Yusof Awang Ismail bin Ibrahim.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara sedang di-perkenalkan kepada ahli2 perwakilan belia Brunei oleh Awang Yakub. Di-kanan sekali ia-lah Yang Di-Pertua MBB, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain.

Pameran bunga2an dan gubahan bunga hidup

BANDAR BRUNEI. — Pameran dan gubahan bunga ada-lah di-antara acara2 dalam rancangan perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam bulan ini.

Pameran itu akan di-adakan selama tiga hari dari 17 Julai di-kawasan Dewan Kemasyarakatan di-Bandar Brunei.

Bertolak ka-U.K. hari ini

BERAKAS. — Anggota2 Askar Melayu Di-Raja Brunei yang akan mengambil bahagian dalam beberapa pertunjukan tattoo di-United Kingdom di-jadualkan berlepas ka-Singapura hari ini dalam dua penerbangan.

Satu rombongan akan berlepas meninggalkan lapangan Berakas pada 8.30 pagi dan satu lagi akan bertolak ka-Singapura pada 4.30 petang.

Anggota2 pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei itu akan mengambil bahagian dalam pertunjukan Royal Tournament di-Earls Court, London, the Edinburgh, the Crieff Highlands Games dan the Colchester.

Peminat2 bunga yang ingin hendak mempamerkan sa-ba-rang jenis bunga termasuk oket dan cactus hendak-lah menghantarkan bunga2 yang akan di-pamerkan itu ka-Dewan itu di-antara pukul 8.00 pagi dan 6.00 petang pada 16 Julai dan 8.00 pagi dan 12.00 tengah hari pada 17 Julai.

Pameran itu akan terbuka kepada orang ramai dari pukul 7.00 petang pada 17 Julai dan akan terus terbuka hingga pukul 10.00 malam. Ia-nya akan di-buka lagi dari pukul 8.00 pagi hingga 10.00 malam pada 18 dan 19 Julai.

Sa-orang juruchakap pameran itu berkata, peserta2 pameran itu yang ingin menyertai akan di-berikan kenderaan bagi membawa bunga2 itu ka-Dewan Kemasyarakatan dengan membuat permohonan kepada Setia Usaha Awang Yap Sook Kiat dari Jabatan Pertanian Bandar Brunei tidak lewat dari 16 Julai.

Kemudahan untuk kesempurnaan

(Dari Muka 1)
menggunakan harta2 kerajaan untuk kepentingan sendiri.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara menekankan bahawa ketegapan Brunei pada masa hadapan ada-lah juga tergantung ka-atas sifat2 kesempurnaan raayat-nya dan guarantee kesempurnaan itu pada asas-nya ada-lah terletak di-tangan kaum pendidik.

“Menuju ka-arah kesempurnaan itu juga, maka kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan terus berusaha untuk mengadakan sekolah2 yang bertaraf dengan kemudahan2 yang sa-imbang dengan keadaan dan keperluan negeri Brunei di-zaman Apollo ini”, tegas beliau.

Akhir-nya beliau menyeru kakitangan jabatan pelajaran dengan melalui pengarah-nya dan ibubapa2 supaya serentak pada menyambut baik dan menggunakan kemudahan2 persekolahan di-negeri ini untuk mengelakkan lagi kesempurnaan kita.

Ini juga akan dapat menyempurnakan niat suci kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-bagai sa-buah negara Islam yang bertaraf dan di-galati.

Pengantin Di-Raja akan di-arak keliling bandar

(Dari Muka 1)

Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 serta pegawai2 kanan kerajaan.

Sementara itu Istiadat Berbedak Di-Raja bagi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir telah di-langsungkan di-Istana Darul Hana pada hari Isnin 6 Julai.

Istiadat Berbedak Di-Raja bagi Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zariah juga telah

di-langsungkan pada malam itu.

Istiadat Bersanding Di-Raja akan di-langsungkan pada petang esok, 9 Julai jam 2.30 petang.

Sa-telah selesai Istiadat Bersanding, kedua2 mempelai di-raja itu akan di-arak mengelilingi bandar untuk di-perkenalkan kepada raayat jelata.

Untuk melichinkan perarakan pengantin di-raja itu, beberapa jalan raya yang akan di-lalui oleh perarakan itu akan di-tutup kepada

lalu lintas mulai jam 3.00 petang.

Jalan2 tersebut ia-lah Jalan Tutong dari simpang Istana Darul Hana, Jalan Sultan, Jalan McArthur, Jalan Pretty, dan Jalan Stoney.

Semua kenderaan dari Bandar Brunei menuju ka-Tutong hendak-lah menggunakan Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Gadong dan kenderaan yang hendak pergi ka-Bandar Brunei dari Belait dan Tutong hendak-lah juga menggunakan Jalan Gadong.